

26/11/1998

Golongan muda sasaran kempen

Rosmin Darus

SENARIO peningkatan kes HIV mungkin dianggap 'tidak apa' oleh sesetengah masyarakat di negara ini tetapi hakikatnya, kita tidak terkecuali diancam virus berbahaya itu.

Mengikut statistik, kes HIV dalam tempoh 1986 hingga 31 Julai tahun ini yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia ialah 26,549 dijangkiti HIV, pesakit Aids (1,804 kes) dan kematian (1,425 kes).

Statistik itu turut mengetengahkan bahawa Malaysia tidak terkecuali mengikut aliran jangkitan HIV di dunia kerana golongan yang berusia 30 hingga 39 tahun adalah yang paling tinggi dijangkiti HIV iaitu 11,404 kes, diikuti 10,655 kes pula daripada kalangan 20 hingga 29 tahun.

Lebih 13 tahun mencatat 111 kes, 13 hingga 19 tahun (492), 40 hingga 49 tahun (2,735), kurang 50 (454) dan tidak diketahui 697.

Secara tidak langsung tema sambutan Hari Aids Sedunia yang akan diraikan pada 1 Disember ini, 'Semangat Perubahan: Kempen Aids Sedunia Bersama Golongan Muda' sesuai dengan senario di Malaysia.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata kalau tahun lalu sasaran tema kempen Aids Sedunia kepada kanak-kanak, tahun ini golongan muda pula dipilih berikutan lebih 50 peratus jangkitan baru HIV membabitkan mereka yang berusia 10 hingga 24 tahun.

Kempen itu juga sebagai landasan mengekalkan momentum lanjutan tema tahun lepas, Kanak-Kanak Hidup Dalam Dunia Bersama Aids serta untuk membangunkan pendekatan pencegahan baru.

"Tema kempen Semangat Perubahan: Kempen Aids Sedunia Bersama Golongan Muda yang dipilih oleh Program Bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai HIV/Aids (Unaid) amat bertepatan dengan senario jangkitan HIV di negara ini."

"Di tangan golongan mudalah bergantungnya semangat untuk menukar punca kerana mereka bukan sahaja dijangkiti dan menanggung kesan HIV/Aids, tetapi juga sumber utama sebagai penggerak dan pemangkin sesebuah negara," katanya.

Beliau berkata, kalau dilihat daripada jumlah orang yang dijangkiti HIV melebihi 30 juta orang, kebanyakannya berusia 18 hingga 30 tahun. Ini kerana aktiviti yang membawa kepada jangkitan itu adalah kegiatan orang muda, seperti dadah dan hubungan seksual tidak selamat.

Menurutnya, jika orang dalam lingkungan umur ini dijangkiti HIV dan tidak mendapat rawatan sehingga meninggal dunia dan sebagainya, impak kepada sesebuah masyarakat atau negara amat besar.

"Ini kerana kita memerlukan tenaga mereka untuk membangun negara. Kalau kita melihat di beberapa tempat di Afrika, sudah ada ruang dalam status kependudukannya iaitu hanya ada budak kecil dan orang tua. Golongan pertengahan umur berkurangan atau tidak ada langsung kerana dijangkiti HIV atau meninggal dunia kerana penyakit itu," katanya.

Sehubungan itu, kesan kepada aspek demografik juga besar kerana di sesetengah tempat di negara Afrika terpaksa mengharap kanak-kanak untuk menjalankan kerja peladangan, akibatnya mereka tidak bersekolah. Katanya, Malaysia tidak berbeza berbanding negara lain kerana statistik jangkitan HIV kebanyakannya dalam lingkungan umur yang sama iaitu satu wabak yang menimpa orang muda dan ini perlu dijaga.

Kalau dilihat di segi bangsa pula, Melayu mencatat 19,375, diikuti Cina (3,893), India (2,396), asing (654) dan lain-lain (231). Lelaki juga mencatat jumlah lebih tinggi golongan yang dijangkiti HIV iaitu 25,528

berbanding perempuan, 1,021 kes.

Marina berkata, objektif atau matlamat kempen tahun ini juga ialah memajukan lagi keberkesanan tindakan pendidikan dan pencegahan tanpa membataskan perbezaan budaya dan sosio-ekonomi kumpulan sasar.

Mengikut kertas kempen Aids Sedunia 1998 UNAIDS, mesej yang cuba disampaikan bagi mempertingkatkan kesihatan golongan muda antaranya ialah perkhidmatan kesihatan berkualiti, sulit, mudah didapati, harga berpatutan dan disediakan dengan baik.

Golongan muda juga wajar diberi hak memajukan skil dan hidup dalam persekitaran yang menyokong, manakala mereka yang dijangkiti HIV turut mendapat hak penjagaan kesihatan dan sokongan yang baik.

Kertas itu turut mendedahkan bahawa daripada 30 juta orang yang dijangkiti HIV di seluruh dunia, sembilan daripada 10 orang tidak tahu mereka sudah dijangkiti virus itu.

Dianggarkan juga menjelang tahun 2020, lebih 40 juta akan menjadi yatim bawah usia 15 tahun di 23 negara kerana jangkitan HIV/Aids. Kebanyakan kanak-kanak ini kehilangan ibu bapa kerana penyakit Aids.

Marina berkata, untuk mendidik golongan muda supaya berkata 'tidak' memang sukar jadi pendekatan yang seeloknya dikaji ialah bagaimana untuk berkata tidak kepada kawan atau teman lelaki jika mereka berasa diri terdedah kepada jangkitan HIV.

"Kita sejak kecil dididik supaya tidak berkata tidak kerana bimbang orang kecil hati. Inilah skil yang perlu diasah supaya mampu berkata tidak tanpa orang berasa kecil hati kerana kepada golongan muda, kawan-kawan adalah amat penting," katanya.

Beliau juga bercakap mengenai kepentingan mengambilkira perasaan, kesesuaian dan idea golongan muda sebelum merangka atau merancang program kerana mereka adalah kumpulan sasar.

Katanya, input daripada beberapa program majlis yang dijalankan bersama golongan muda mendapati kerap kali pandangan mereka berbeza tetapi bernas dan boleh digunapakai bagi merangka sebarang program.

Marina turut menegur sikap pelaksana program pencegahan dan pendidikan mengenai Aids yang menganggap semua golongan muda adalah sama tanpa mengambilkira persekitaran serta taraf kehidupan masing-masing.

Selain itu, beliau juga menekankan wanita di negara ini faham mengenai jangkitan HIV, cuma yang perlu dipertingkatkan ialah pengetahuan dan keupayaan menolak sekiranya mereka tahu pasangan dijangkiti HIV.

Katanya, kemahiran wanita melindungi diri amat penting kerana ia seolah-olah perisai yang menjadi benteng kepada kesihatan ibu dan anak.

"Apabila kita bercakap mengenai ibu dan anak, wanita mesti melindungi diri mereka sendiri. Ini memerlukan pengetahuan mengenai Aids dan kesihatan reproduktif, hak dan keupayaannya membuat keputusan melindungi diri daripada virus itu," katanya.

(END)